JOBNAME: No Job Name PAGE: 1 SESS: 1 OUTPUT: Thu Jul 11 13:43:06 2013
//caseml/case/mlj/02-Shah_Rizan_312726_126936_01

Shah Rizan bin Sulong lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO D-05–287 TAHUN 2010
ABDUL MALIK ISHAK, KN SEGARA DAN AZIAH ALI HHMR
29 MAC 2012

Keterangan — Maklumat membawa kepada penemuan fakta ditemui — Maklumat membawa kepada penemuan — Kebolehterimaan — Hakim bicara menerima pengemukaan maklumat sebagai keterangan — Sama ada maklumat diperoleh secara 'menindas' dan 'bertentangan' dengan taraf-taraf kewajaran — Sama ada pra-syarat s 27 Akta Keterangan 1950 dipenuhi — Akta Keterangan 1950 s 27

Undang-Undang Jenayah — Dadah — Pengedaran — Rayuan terhadap keputusan dan sabitan — Dadah dijumpai selepas lokasi ditunjukkan sendiri oleh perayu — Perayu bekerjasama selepas diberi akujanji oleh SP6 — Barang bukan milikan perayu, diletakkan oleh rakan — Sama ada hakim bicara terkhilaf dalam penerimaan masuk maklumat tentang pengetahuan perayu mengenai lokasi dadah — Sama ada hakim bicara terkhilaf dalam menilai keseluruhan keterangan pembelaan perayu terutama pembelaan yang memihak kepada perayu — Sama ada peruntukan s 37A Akta Dadah Berbahaya 1952 terpakai — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 39B(1)(a)

Perayu telah disabitkan dengan pertuduhan mengedar dadah methamphetamine seberat 240.83g dan dihukum gantung sampai mati oleh hakim Mahkamah Tinggi ('HMT'). Tidak berpuashati dengan sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh HMT, perayu telah merayu ke mahkamah ini. Fakta kes menunjukkan bahawa sepasukan anggota polis yang diketuai oleh SP6, atas maklumat yang diterima berhubung dengan kegiatan pengedaran dadah, telah membuat serbuan ke atas sebuah rumah di Pasir Mas, Kelantan. Selepas memeriksa dan menggeledah kesemua bahagian rumah tersebut, SP6 tidak menjumpai apa-apa barangan salah. SP6 kemudiannya menyoal siasat perayu secara bersendirian dan hasil daripada soal siasat tersebut, perayu telah mengambil bungkusan plastik (P8) yang di dalamnya mengandungi pil-pil yang disyaki dadah dari bahagian belakang kabinet/almari hiasan di ruang tamu rumah tersebut. SP4, ahli kimia, telah mengesahkan bahawa pil-pil tersebut adalah dadah jenis methamphetamine seberat 240.83g. Melalui keterangan SP1, SP2 dan SP3 bahawa semasa kejadian, perayu adalah penyewa dan penghuni tunggal di rumah tersebut. Di dalam pembelaannya, perayu menyatakan bahawa barang kes tersebut adalah milik kawannya bernama 'Lan' dan perayu menunjukkan lokasi bungkusan plastik itu hanya setelah diminta

JOBNAME: No Job Name PAGE: 2 SESS: 1 OUTPUT: Thu Jul 11 13:43:06 2013
//caseml/case/mlj/02-Shah_Rizan_312726_126936_01

oleh SP6. Menurut perayu, pelanggannya biasa meninggalkan barang *spare parts* motosikal di rumah sewanya dan berkenaan barang kes di dalam kes ini perayu menyatakan bahawa ianya telah diletakkan sendiri oleh 'Lan'. Dan 'Lan' juga ada memberitahu perayu di tempat mana barang diletakkan. Perayu tidak mengesyaki bahawa barangan yang disimpan oleh 'Lan' adalah dadah. Menurut perayu, 'Lan' menyembunyikan barang tersebut sebab takut barang tersebut dicuri orang. Menurut perayu lagi, dia tidak tahu kandungan barang tersebut adalah dadah dan jika dia tahu dia tidak akan tunjukkan kepada polis. Isu-isu yang berbangkit di dalam rayuan ini adalah seperti berikut: (a) sama ada HMT telah terkhilaf apabila gagal mengarahkan diri beliau terhadap keadaan minda perayu semasa ditangkap dan di bawah tahanan polis; (b) sama ada HMT telah gagal mengarahkan diri beliau kepada maklumat perayu kepada SP6 diterima masuk melalui s 27 Akta Keterangan 1950 ('Akta') ataupun di bawah s 37A Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'); dan (c) sama ada peruntukan s 37A ADB telah dipatuhi terutama kepada kes-kes yang hanya bergantung kepada maklumat pesalah di bawah s 27 Akta.

Diputuskan, membenarkan rayuan; mengetepikan sabitan dan hukuman:

(1) Keterangan yang mengaitkan perayu dengan bungkusan yang mengandungi dadah adalah berdasarkan maklumat perayu kepada SP6 yang diterima masuk oleh HMT. HMT telah gagal untuk mengarah diri beliau apabila beliau tidak langsung menyatakan di dalam alasan penghakiman sama ada maklumat perayu kepada SP6 diterima masuk melalui s 27 Akta ataupun di bawah s 37A ADB. Mahkamah perlu membuat inferens yang memihak kepada perayu dan membuat kesimpulan bahawa HMT gagal menyatakan di bawah undang-undang manakah maklumat perayu telah diterima masuk sebagai keterangan (lihat perenggan 12–13).

(2) HMT telah terkhilaf apabila gagal mengarahkan diri beliau terhadap keadaan minda perayu yang pada masa ditangkap dan di bawah tahanan polis. HMT juga gagal mengarahkan diri beliau tentang faktor prejudis atau harapan yang berlebihan ('legitimate expectation') yang telah diberikan oleh SP6 sebagai seorang yang berkuasa. Mahkamah ini berpendapat bahawa penerimaan maklumat perayu oleh HMT melalui cara yang SP6 gunakan adalah satu 'cara yang menindas' dan 'bertentangan dengan taraf-taraf kewajaran'. Sekiranya maklumat perayu boleh diterima di bawah s 27 Akta, pihak pendakwaan perlu memenuhi beberapa pra-syarat (lihat perenggan 16, 18–19).

(3) Tidak ada keterangan langsung yang menunjukkan wujud reaksi-reaksi perayu yang boleh dibuat inferens kebersalahan perayu seperti tindakan meronta-ronta ketika ditangkap dan digari oleh pihak polis, merayu-rayu kepada SP6, menunjukkan ketakutan ataupun cuba melarikan diri. Tanpa reaksi-reaksi perayu yang menunjukkan kebersalahan beliau,

JOBNAME: No Job Name PAGE: 3 SESS: 1 OUTPUT: Thu Jul 11 13:43:06 2013
//caseml/case/mlj/02-Shah_Rizan_312726_126936_01

maka inferens boleh dibuat bahawa perayu tidak mempunyai milikan dan pengetahuan ke atas bungkusan yang mengandungi dadah tersebut seperti yang dinyatakan di dalam pertuduhan (lihat perenggan 24).

(4) Selain daripada itu, tidak ada keterangan langsung daripada SP6 bahawa beliau telah membacakan amaran kepada perayu di bawah s 37A ADB sebelum SP6 memperolehi maklumat daripada perayu tentang lokasi dadah tersebut. Laporan polis (P18) yang dibuat oleh SP6 selepas perayu ditangkap tidak menunjukkan bahawa amaran di bawah s 37A ADB telah dibacakan dan difahami oleh perayu. Peruntukan s 37A ADB merupakan suatu kehendak statutori yang mesti dipatuhi terutama kepada kes-kes yang hanya bergantung kepada maklumat pesalah di bawah s 27 Akta. Oleh yang demikian, mahkamah ini berpendapat bahawa peruntukan s 37A ADB tidak terpakai di dalam kes rayuan ini (lihat perenggan 25–26).

(5) HMT telah gagal mengarahkan diri beliau kepada pembelaan perayu bahawa Lan ada meninggalkan barang motor. HMT juga gagal mengarahkan diri beliau tentang keterangan perayu bahawa 'hak ni barang yang Lan tinggal'. HMT gagal menilai keseluruhan keterangan pembelaan perayu terutama pembelaan yang memihak kepada perayu yang jelas menunjukkan ketidakbersalahan perayu tentang penemuan dadah di dalam rumah sewa itu. Kelakuan (*conduct*) perayu semasa diserbu oleh polis jelas menunjukkan bahawa dia tidak tahu bungkusan itu mengandungi dadah (lihat perenggan 30).

(6) Unsur pengedaran tidak dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Oleh yang demikian, HMT telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila beliau mensabit perayu dengan pertuduhan pengedaran dadah. Keterangan yang ada hanya membuktikan bahawa perayu mengetahui tentang bungkusan yang terletak di bawah almari tetapi tidak mengetahui tentang kandungan bungkusan itu adalah dadah berbahaya. Inferens yang memihak kepada perayu perlu diberi kepadanya (lihat perenggan 31).

[English summary

The appellant was convicted of a charge of trafficking in methamphetamine weighing 240.83g and was sentenced to hang till death by the High Court judge ('HCJ'). Not satisfied with the conviction and sentence imposed by the HCJ, the appellant appealed to this court. The facts of the case showed that a team of police personnel led by SP6, based on information received pertaining to drug trafficking activities, ambushed a house in Pasir Mas, Kelantan. Upon inspecting and ransacking all the parts of the house, SP6 failed to discover anything incriminating. SP6 then interrogated the appellant alone and as a result of the interrogation, the appellant took out a plastic package ('P8') in which contained pills suspected to be drugs from the back portion of the

JOBNAME: No Job Name PAGE: 4 SESS: 1 OUTPUT: Thu Jul 11 13:43:06 2013
//caseml/case/mlj/02-Shah_Rizan_312726_126936_01

cabinet/show case at the living room of the house. SP4, the chemist, confirmed that the pills were methamphetamine type drugs weighing 240.83g. From SP1, SP2 and SP3's testimony that at the time of the incident, the appellant was the tenant and the sole occupant of the house. In his defence, the appellant stated that the case materials belonged to his friend by the name of 'Lan' and the appellant showed the location of the plastic packages only after he was asked by SP6. According to the appellant, his customers always leave motorcycle spare parts at his rented house and as regards to the case materials in this case, the appellant stated that it had been placed there by 'Lan' himself. And 'Lan' also had informed the appellant of the place where the goods were placed. The appellant did not suspect that the goods kept by 'Lan' were drugs. According to the appellant further, he did not know of the content of the goods were drugs and if he had known he would not have shown it to the police. The issues that arose in this appeal were as the following: (a) whether the HCJ had erred in failing to direct himself of the appellant's state of mind when arrested and taken under police custody; (b) whether the HCJ had failed to direct himself as to the appellant's information to SP6 admissible under s 27 of the Evidence Act 1950 ('the Act') or under s 37A of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA'); and (c) whether the provision of s 37A of the DDA had been complied with especially to the cases which relied only on the information of the accused under s 27 of the Act.

Held, allowing the appeal; setting aside the conviction and sentence:

(1) The evidence that connected the appellant to the package containing drugs was based on the appellant's information to SP6 which was admitted by the HCJ. The HCJ had failed to direct himself when he had not stated anywhere at all in his judgment as to whether the appellant's information to SP6 was admissible vide s 27 of the Act or s 37A of the DDA. The court must make an inference in favour of the appellant and make a decision that the HCJ had failed to state under which law the appellant's information was admitted as evidence (see paras 12–13).

(2) The HCJ had erred in failing to direct himself as to the appellant's state of mind at the time of arrest and at the time he was under police remand. The HCJ had also failed to direct himself on the prejudicial factors or legitimate expectation which was given by SP6 as a person with authority. The court was of the opinion that the admissibility of information by the appellant by the mode used by SP6 was an 'oppressive mode' and 'against the level of propriety'. If information by the appellant was admissible under s 27 of the Act, the prosecution must fulfil several preconditions (see paras 16, 18–19).

(3) There was not an iota of evidence that showed the existence of the appellant's reaction from which the guilt of the appellant could be inferred such as an act of putting up struggle whilst being arrested and

JOBNAME: No Job Name PAGE: 5 SESS: 1 OUTPUT: Thu Jul 11 13:43:06 2013
//caseml/case/mlj/02-Shah_Rizan_312726_126936_01

handcuffed by the police, pleading to SP6, showed fear or tried to run away. Without the appellant's incriminating reactions, therefore the inference could be drawn that the appellant had neither the possession nor the knowledge of the packages containing the drugs as stated in the charges (see para 24).

(4) Apart from that, there was no direct evidence from SP6 that he had read out the caution to the appellant under s 37A of the DDA before SP6 obtained information from the appellant about the location of the drugs. The police report (P18) made by SP6 after the appellant was arrested did not show that the caution under s 37A of the DDA had been read out and understood by the appellant. The provision of s 37A of the DDA is a statutory requirement which must be complied with especially to the cases which depended solely on the information of the accused under s 27 of the Act. Therefore, the court was of the view that the provision of s 37A of the DDA was not applicable in this appeal case (see paras 25–26).

(5) The HCJ had failed to direct himself to the appellant's defence that Lan had left motorcycle materials. The HCJ also had failed to direct himself on the appellant's testimony that 'hak ni barang yang Lan tinggal'. The HCJ had failed to evaluate in totality the appellant's defence especially the defence in favour of the appellant which clearly showed the appellant's innocence on the discovery of the drugs in the rented house. The appellant's conduct when ambushed by the police clearly showed that he had no knowledge of the package containing the drugs (see para 30).

(6) The elements of trafficking had not been proven by the prosecution. Therefore, the HCJ had erred on facts and law when he convicted the appellant with the charge of drug trafficking. The evidence available only proved that he had knowledge of the package which was under the cupboard but did not know that the content of the package was dangerous drugs. The inference in favour of the appellant must be given to him (see para 31).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai maklumat membawa kepada penemuan, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perenggan 2208–2211.

Untuk kes-kes mengenai pengedaran, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2012 Reissue) perenggan 205–300.

Kes-kes yang dirujuk

Hasamuddin bin Talena v PP [2002] 2 MLJ 408; [2002] 2 CLJ 504, MR (dirujuk)

Hasibullah bin Mohd Ghazali v PP [1993] 3 MLJ 321; [1993] 4 CLJ 535, MA (dirujuk)

JOBNAME: No Job Name PAGE: 6 SESS: 1 OUTPUT: Thu Jul 11 13:43:06 2013
//caseml/case/mlj/02-Shah_Rizan_312726_126936_01

Pang Chee Meng v PP [1992] 1 MLJ 137; [1992] 1 CLJ (Rep) 265, MA (dirujuk)
PP v Mazlan Mustaffa [2011] 1 CLJ 964, MR (dirujuk)
Sridhar Arunasalam v PP [2011] 6 MLJ 129; [2009] 6 CLJ 595, MR (dirujuk)
Y Jeyamuraly a/l Yesiah v PP [2007] 5 MLJ 224; [2007] 5 CLJ 605, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 37A, 39B(1)(a)
Akta Keterangan 1950 s 27

Ahmad Nizam Mohamed (Nizam & Rofi) bagi pihak perayu.
Siti Rafidah bt Zainuddin (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Abdul Malik Ishak HMR:

PENDAHULUAN

[1] Perayu telah disabitkan dengan pertuduhan mengedar dadah methamphetamine seberat 240.83g dan dihukum gantung sampai mati oleh hakim Mahkamah Tinggi ('HMT'). Pertuduhan ke atas perayu adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 20.5.2008 jam lebih kurang 2.00 petang di alamat PT 2814, Taman Lati, Jalan Repek, dalam Jajahan Pasir Mas, di dalam Negeri Kelantan telah memperedarkan dadah berbahaya iaitu methamphetamine seberat 240.83 gram, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[2] Tidak berpuashati dengan sabitan dan hukuman yang dijatuhkan oleh HMT, perayu telah merayu ke mahkamah ini.

KES PIHAK PENDAKWAAN

[3] Pada 20 Mei 2008 lebih kurang jam 2 petang sepasukan anggota polis yang diketuai oleh Ketua Inspektor Mohd Shaifuddin bin Zulkifli ('SP6'), bertindak atas maklumat yang diterima berhubung dengan kegiatan pengedaran dadah, telah membuat serbuan ke atas sebuah rumah beralamat di PT 2814, Taman Lati, Jalan Repek, dalam Jajahan Pasir Mas, Kelantan. Rumah tersebut adalah sepertimana kelihatan di dalam gambar di eksh 'P5A–F'.

[4] Sebaik sahaja tiba di rumah tersebut SP6 telah mendapati pintu pagar (*gate*) dalam keadaan tertutup tetapi tidak berkunci dan pintu hadapan rumah

JOBNAME: No Job Name PAGE: 7 SESS: 1 OUTPUT: Thu Jul 11 13:43:06 2013
//caseml/case/mlj/02-Shah_Rizan_312726_126936_01

tersebut terbuka. SP6 memasuki rumah tersebut bersama dengan tiga orang anggota polis serbuan beliau dan SP6 mendapati perayu sedang menonton televisyen di ruang tamu. Pada ketika itu, perayu berseorangan dan SP6 telah membuat pemeriksaan badan terhadap perayu tetapi tidak menjumpai apa-apa barangan salah. Selepas itu SP6 telah memeriksa dan menggeledah ke semua bahagian rumah tersebut tetapi masih tidak menjumpai apa-apa barangan salah.

[5] SP6 kemudiannya menyoal siasat perayu secara bersendirian dan hasil daripada soal siasat tersebut, perayu telah mengambil bungkusan plastik (eksh 'P8') dari bahagian belakang kabinet/almari hiasan di ruang tamu rumah tersebut. Setelah diperiksa SP6 mendapati di dalam bungkusan plastik (eksh 'P8') tersebut terdapat sebuah kotak kertas 'MAGGI' (eksh 'P9') yang berisi tiga bungkusan (ekshs 'P10', 'P11' dan 'P12') masing-masing berisi paket-paket plastik biru yang di dalamnya mengandungi pil-pil yang disyaki dadah. Selain daripada itu, SP6 turut menemui dan merampas barangan peribadi kepunyaan perayu dari rumah tersebut seperti pakaian (ekshs 'P15A' dan 'P16A'), telefon bimbit (eksh 'P19'), kad pengenalan (eksh 'P20'), sijil kelahiran (eksh 'P14B'), kad rukun tetangga (eksh 'P14C') dan gambar perayu (eksh 'P14D').

[6] Barang kes tersebut kemudiannya telah dibawa balik ke balai polis. Pemeriksaan lanjut dan terperinci telah dibuat oleh SP6 ke atas barang kes iaitu paket-paket plastik biru dalam tiga bungkusan (ekshs 'P10', 'P11' dan 'P12') dan SP6 telah mendapati sejumlah 17,769 biji pil-pil yang disyaki dadah. Setelah ahli kimia Puan Hartini bt Salleh ('SP4') menjalankan ujian analisa, beliau telah mengesahkan bahawa pil-pil tersebut adalah dadah jenis methamphetamine seberat 240.83g sepertimana dinyatakan di dalam laporan kimia (eksh 'P13'). Seterusnya SP6 membuat laporan polis berhubung dengan tangkapan dan rampasan sepertimana laporan polis Pasir Mas No 001477-08 (eksh 'P18').

[7] Melalui keterangan saksi Mohamed Tarmizi bin Kassim ('SP1'), Sarina bt Deraman ('SP2') dan Siti Aminah bt Zakaria ('SP3'), pihak pendakwaan telah mengemukakan keterangan bahawa semasa kejadian, perayu adalah penyewa dan penghuni tunggal di rumah tersebut.

PEMBELAAN

[8] Di dalam pembelaannya perayu tidak mempertikaikan keterangan pihak pendakwaan bahawa beliau adalah penyewa dan penghuni tunggal di rumah tersebut semasa serbuan dan tangkapan yang dilaksanakan oleh SP6 beserta dengan anggota polis yang lain. Perayu juga tidak mempertikaikan keterangan SP6 berhubung dengan tempat dan keadaan di mana barang kes ditemui

JOBNAME: No Job Name PAGE: 8 SESS: 1 OUTPUT: Thu Jul 11 13:43:06 2013
//caseml/case/mlj/02-Shah_Rizan_312726_126936_01

sepertimana yang dinyatakan oleh SP6 dan SP7. Bagaimanapun perayu menafikan mempunyai milikan dan pengetahuan tentang isi kandungan barang kes tersebut.

[9] Perayu menyatakan bahawa barang kes tersebut adalah milik kawan beliau bernama 'Lan'. Perayu menyatakan bahawa beliau bekerja sebagai mekanik membaiki motosikal di rumah sewa beliau. Menurut perayu, beliau mempunyai ramai pelanggan dan pelanggan beliau bebas untuk keluar masuk ke dalam rumah sewa beliau.

[10] Pada tahap pemeriksaan utama, perayu menyatakan bahawa pada hari kejadian semasa beliau berada di rumah sewa itu dan sedang menonton televisyen, polis telah menyerbu masuk dan terus memegang dan menggari beliau. Polis telah memeriksa ruang tamu, dapur dan kedua-dua bilik tetapi tidak menjumpai apa-apa. Menurut perayu, SP6 telah bertanya kepada perayu 'di mana awak letak barang Lan' dan perayu menjawab 'tidak tahu'. Menurut perayu, SP6 mengulangi soalan yang sama dan sekali lagi perayu menjawab 'tidak tahu'. Selepas itu perayu ada memberitahu SP6 bahawa 'barang motor ada ditinggal'. Perayu menyatakan 'Lan' letak barang motor di bawah almari. Setelah diminta oleh SP6, perayu telah menunjukkan lokasi barang motor kepada SP6 dengan mengalih/menolak almari seperti di dalam gambar-gambar bertanda 'D', 'E' dan 'F' di ms 122–124 di rekod rayuan dan perayu telah mengambil barang motor itu dan menyerahkan kepada SP6.

[11] Di dalam pemeriksaan balas, perayu menyatakan bahawa pelanggan beliau biasa meninggalkan barang *spare parts* motosikal di rumah sewa beliau dan berkenaan barang kes di dalam kes ini perayu menyatakan bahawa ianya telah diletakkan sendiri oleh 'Lan'. Dan 'Lan' juga ada memberitahu perayu di tempat mana barang diletakkan. Perayu tidak mengesyaki bahawa barangan yang disimpan oleh 'Lan' adalah dadah. Menurut perayu, 'Lan' menyembunyikan barang tersebut sebab takut barang tersebut dicuri orang. Dan selepas 'Lan' meninggalkan barang tersebut 'Lan' tidak lagi datang ke rumah sewa perayu. Menurut perayu, beliau tidak tahu kandungan barang tersebut adalah dadah dan jika beliau tahu beliau tidak akan tunjukkan kepada polis.

ANALISA

[12] Tidak dinafikan bahawa keterangan yang mengaitkan perayu dengan bungkusan yang mengandungi dadah adalah berdasarkan maklumat perayu kepada SP6 yang diterima masuk oleh HMT. Jelas selepas membaca alasan penghakiman HMT, Yang Arif telah gagal untuk mengarah diri beliau apabila beliau tidak langsung menyatakan di dalam alasan penghakiman sama ada maklumat perayu kepada SP6 diterima masuk melalui s 27 Akta Keterangan

JOBNAME: No Job Name PAGE: 9 SESS: 1 OUTPUT: Thu Jul 11 13:43:06 2013
//caseml/case/mlj/02-Shah_Rizan_312726_126936_01

1950 ataupun di bawah s 37A Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Di dalam kes *Y Jeyamuraly a/l Yesiah v Public Prosecutor* [2007] 5 MLJ 224; [2007] 5 CLJ 605 (MR), James Foong HMR (pada ketika itu) berkata melalui alasan penghakiman menentang di ms 248 (MLJ); 611 (CLJ) seperti berikut:

> Tidak ada apa-apa rujukan sama ada secara langsung atau sebaliknya oleh hakim bicara di dalam alasan penghakimannya yang menunjukkan bahawa beliau telah menerima-masuk keterangan berkenaan di bawah s 27 EA. Jika beliau berbuat demikian, beliau tentu akan membuat satu dapatan positif di dalam alasan penghakimannya berkaitan maklumat yang diterima yang membawa kepada penemuan fakta yang dikatakan. Dan untuk mencapai keputusan sedemikian, beliau tentu akan menyelidik soalan yang ditanyakan oleh pegawai polis yang membawa kepada maklumat yang didedahkan itu. Ini perlu bagi memastikan bahawa maklumat yang diterima ada hubungkait dengan soalan yang ditanya. Oleh kerana tiada petunjuk bahawa langkah berhati-hati sedemikian diambil oleh hakim bicara, maka beliau tidak menerima keterangan berkenaan melalui s 27 EA.

[13] Jadi persoalan yang timbul dan perlu dibangkitkan ialah, 'HMT telah menerima masuk maklumat perayu tersebut berdasarkan kepada peruntukan undang-undang yang mana?' Kita perlu membuat inferens yang memihak kepada perayu dan membuat kesimpulan bahawa HMT gagal menyatakan di bawah undang-undang manakah maklumat perayu telah diterima masuk sebagai keterangan.

[14] Maklumat perayu kepada SP6 berdasarkan dan berlandaskan kepada satu akujanji oleh SP6 untuk melepaskan perayu sekiranya perayu memberi maklumat tentang barang itu. Dan perayu bertanya kepada SP6, 'betul ke?' Di dalam pemeriksaan utama, SP6 menyatakan di ms 38–39 rekod rayuan seperti berikut:

> Saya ada tanya kepada OKT sekiranya ada simpan barang itu, tolong beritahu polis dan saya adakan janji terhadap OKT, jika beliau kerjasama dengan tunjukkan barang, saya akan bebaskan beliau dan bertindak atas soalan saya, OKT tanya betulkah polis akan bebaskan jika ditunjukkan barang dan saya beritahu dia saya akan bebaskan dia. Untuk meyakinkan OKT saya arahkan L/Kpl Zazali yang mengawal OKT untuk buka gari yang dipakaikan dan setelah gari dibuka OKT tunjukkan tempat barang. Masa OKT tunjukkan barang, OKT tidak bergari. Selepas saya buka gari, OKT bersetuju untuk kerjasama dan saya arahkan OKT untuk tunjukkan tempat dadah. Soal siasat awal dibuat di ruang tamu dan setelah OKT beri jawapan betul, polis akan bebaskan dia jika ditunjuk barang, saya bawa OKT masuk ke bilik pertama untuk soal lanjut dan hanya saya dan OKT saja yang ada. Masa dalam bilik saya panggil L/Kpl Zazali untuk bukakan gari dan setelah Zazali buka gari beliau keluar bilik tinggalkan saya dengan OKT saja dalam bilik. Bungkusan plastik itu diambil sendiri oleh OKT. Beliau yang serah sendiri plastik hi tarn itu dan di dalamnya ada kotak kertas 'MAGGI', bercelotep kuning. Saya buka kotak dan dapati dalam kotak itu terdapat 3 bungkusan kertas timah dan siasatan awal ke atas kertas timah itu mengandungi 3 bungkusan plastik kuning di dalam

JOBNAME: No Job Name PAGE: 10 SESS: 1 OUTPUT: Thu Jul 11 13:43:06 2013
//caseml/case/mlj/02-Shah_Rizan_312726_126936_01

plastik lutsinar, yang mana di dalam bungkusan itu terdapat 10 paket plastik biru, setiap paket mengandungi pil-pil merah dan hijau disyaki dadah. Saya hanya buka 1 bungkusan kertas timah yang dibuka.

[15] Jelas SP6 telah memberi satu akujanji kepada perayu yang mana keterangan itu telah diterima oleh HMT walaupun HMT mengakui di dalam alasan penghakiman beliau bahawa elemen 'deceit' — penipuan oleh SP6 telah berlaku.

[16] Fakta kerelaan perayu memberi maklumat pada masa tersebut tidak diambil kira oleh HMT memandangkan ada elemen 'deceit' daripada SP6. HMT juga gagal mengarahkan diri beliau tentang faktor prejudis atau harapan yang berlebihan ('legitimate expectation') yang telah diberikan oleh SP6 sebagai seorang yang berkuasa. Tidak dinafikan bahawa tidak wujud keterangan bahawa perayu berada dalam ketakutan pada masa itu tetapi, pada hemat kami, HMT telah terkhilaf apabila gagal mengarahkan diri beliau terhadap keadaan minda perayu yang pada masa itu telah ditangkap dan di bawah tahanan polis. Edgar Joseph Jr SCJ di dalam kes *Hasibullah bin Mohd Ghazali v Public Prosecutor* [1993] 3 MLJ 321; [1993] 4 CLJ 535 (MA), di ms 322 (MLJ); 537–538 (CLJ) ada menyatakan:

> (5) Sekalipun diandaikan yang perayu telah membuat pengakuan yang didakwa itu, hakim perbicaraan yang bijaksana tersebut telah tersilap apabila memutuskan bahawa pengakuan tersebut dibuat secara sukarela di mana dalam memutuskan yang tertuduh mestilah menunjukkan yang dia diletakkan di bawah ketakutan untuk membolehkan pernyataan tersebut berhasil, hakim yang bijaksana tersebut telah menterbalikkan beban membukti dan tidak memperdulikan keperluan bahawa pihak pendakwa perlu membuktikan di luar keraguan yang munasabah bahawa pengakuan tersebut adalah dibuat secara sukarela.
>
> (6) Dalam memutuskan sama ada atau tidak sesuatu pernyataan yang dibuat oleh seseorang tertuduh diperolehi daripadanya sama ada secara ketakutan atau prejudis atau harapan kelebihan diamalkan atau diberikan oleh seseorang yang berkuasa, yang penting sekali ialah keadaan minda tertuduh. Hakim yang bijaksana tersebut dalam memutuskan bahawa perayu tidak berada dalam ketakutan yang sepertinya yang dikecualikan oleh undang-undang daripada menerima pernyataannya, telah mengecualikan daripada pertimbangan beliau akan keadaan minda perayu dari segala kelemahan dan ketabahan dan sebaliknya menghadkan tumpuan beliau kepada niat Giam.

[17] Sulaiman Daud HMR di dalam kes *Public Prosecutor v Mazlan Mustaffa* [2011] 1 CLJ 964 (MR), di ms 965 menggariskan cara untuk menolak pengemukaan maklumat sebagai keterangan seperti berikut:

> (1) Adalah suatu prinsip undang-undang yang mantap bahawa hakim

JOBNAME: No Job Name PAGE: 11 SESS: 1 OUTPUT: Thu Jul 11 13:43:06 2013
//caseml/case/mlj/02-Shah_Rizan_312726_126936_01

perbicaraan mempunyai budi bicara untuk mengecualikan keterangan yang menjejaskan seseorang tertuduh walaupun ia boleh diterima secara teknikal. Hakim perbicaraan hendaklah terlebih dahulu memastikan kesahihannya. Hakim perbicaraan juga mempunyai budi bicara untuk menolak keterangan sedemikian jika ia diperolehi dengan cara yang menindas atau melalui kelakuan yang bertentangan dengan taraf-taraf kewajaran. Tiada sebab untuk mahkamah ini campur tangan dalam keputusan hakim perbicaraan menggunakan budi bicaranya dalam menolak keterangan tersebut.

(2) Walaupun isu kesukarelaan tidak relevan dalam menimbangkan kebolehterimaan maklumat s 27 tetapi dalam kes ini terdapat keterangan yang jelas menunjukkan ketidakpatuhan kepada taraf-taraf kewajaran dalam pemorelehan maklumat tersebut. Responden di sini telah memberikan keterangan tersebut sebaik sahaja dibawa dari dapur ke ruang tamu rumahnya dalam keadaan tangan bergari dan diacukan pistol di awal pagi setelah rumahnya dipecah masuk dan digeledah. Keterangan yang diberikan dalam keadaan menindas sebegini adalah bertentangan dengan hasrat responden sendiri.

[18] Kami berpendapat bahawa penerimaan maklumat perayu oleh HMT melalui cara yang SP6 gunakan adalah satu 'cara yang menindas' dan 'bertentangan dengan taraf-taraf kewajaran'.

[19] Sekiranya maklumat perayu boleh diterima di bawah s 27 Akta Keterangan 1950, kami berpendapat bahawa pihak pendakwaan perlu memenuhi beberapa pra-syarat seperti berikut:

(a) elok membuktikan perkataan sebenar soalan yang diutarakan oleh pihak polis kepada pesalah; dan

(b) elok membuktikan jawapan sebenar yang diberi oleh pesalah kepada pihak polis.

[20] Tidak dinafikan bahawa maklumat di bawah s 27 Akta Keterangan 1950 sering kali terdedah kepada penyalahgunaan oleh pihak polis sepertimana yang digambarkan oleh Tun Abdul Hamid Omar, Ketua Hakim Negara di dalam kes *Pang Chee Meng v Public Prosecutor* [1992] 1 MLJ 137 di ms 138; [1992] 1 CLJ (Rep) 265 (MA), di ms 267:

(1) Apabila s 27 Akta tersebut dipakai mahkamah harus berjaga-jaga bagi memastikan kredibiliti keterangan oleh kakitangan polis berhubung dengan seksyen ini, yang sering terdedah kepada penyalahgunaan.

[21] Di dalam kes *Hasamuddin bin Talena v Public Prosecutor* [2002] 2 MLJ 408; [2002] 2 CLJ 504 (MR), cara yang patut dipraktikkan telah dinyatakan oleh Gopal Sri Ram HMR di ms 409 (MLJ); 505 (CLJ) seperti berikut:

JOBNAME: No Job Name PAGE: 12 SESS: 1 OUTPUT: Thu Jul 11 13:43:06 2013
//caseml/case/mlj/02-Shah_Rizan_312726_126936_01

Perkataan-perkataan yang tepat dari kedua-dua kenyataan tersebut yang diperkatakan telah dibuat oleh perayu ketika beliau disoal siasat dan ditempat di mana dadah tersebut dijumpa masing-masingnya telah tidak dituliskan sebaik sahaja ianya boleh dipraktikkan. Berhubung kenyataan pertama, tidak terdapat sebarang alasan bagi kegagalan interogator untuk mencatatkan soalan-soalan yang dikemukakan dan jawapan-jawapan yang diterima daripada perayu sama ada ketika disoal siasat atau sejurus selepas itu. Berhubung kenyataan kedua, interogator tersebut sepatutnya telah mencatatkannya secara bertulis dalam diari beliau sebaik sahaja beliau kembali daripada tempat jenayah. Pensabitan perayu yang berdasarkan kepada kedua-dua kenyataan ini, adalah dengan itu sesungguhnya tidak selamat.

[22] Laporan polis yang dibuat oleh SP6 di eksh 'P18' tidak dapat menyokong keterangan SP6. Walaupun eksh 'P18' dibuat dalam bentuk panjang lebar tetapi terdapat ketinggalan (*omissions*) fakta-fakta penting yang telah mencemarkan 'credibility' SP6.

[23] Percanggahan di dalam laporan polis (eksh 'P18') dengan keterangan SP6 adalah seperti berikut:

(a)(i) di dalam 'P18', SP6 menyatakan bahawa selepas periksa badan perayu SP6 tidak menjumpai apa-apa barang salah. Dan SP6 terus menjalankan soal siasat terhadap perayu di dalam bilik dan perayu telah mengaku menyimpan pil kuda;

(a)(ii) di dalam mahkamah, SP6 memberi keterangan bahawa selepas memeriksa badan perayu SP6 telah memeriksa ruang tamu rumah sewa perayu tetapi tidak jumpa apa-apa barang salah. Menurut SP6 beliau juga telah memeriksa bilik hadapan dan belakang tetapi tidak menjumpai apa-apa barang salah;

(b)(i) di dalam 'P18', SP6 menyatakan bahawa beliau telah mengarahkan perayu mengambil pil kuda dan perayu telah menolak kabinet hiasan warna hitam yang terletak di tepi dinding di ruang tamu dan mengambil satu kotak di dalam bungkusan hitam dan memberikan kepada SP6;

(b)(ii) di dalam mahkamah, SP6 memberi keterangan bahawa selepas pemeriksaan yang dijalankan ke atas bilik depan dan belakang, perayu telah dibawa ke ruang tamu semula dan seterusnya ke dalam bilik semula dan di dalam bilik tersebut perayu setuju untuk memberi kerjasama dan memandu arah SP6 ke ruang tamu dan selepas itu perayu telah membawa SP6 ke kabinet hiasan warna hitam dan perayu telah menolak kabinet tersebut dan mengambil bungkusan plastik di bawah kabinet dan menyerahkannya kepada SP6;

(c)(i) di dalam 'P18', SP6 menyatakan bahawa perayu mengaku ada menyimpanpil kuda;

JOBNAME: No Job Name PAGE: 13 SESS: 1 OUTPUT: Thu Jul 11 13:43:06 2013
//caseml/case/mlj/02-Shah_Rizan_312726_126936_01

(c)(ii) di dalam mahkamah, SP6 memberi keterangan bahawa 'sekiranya ada simpan barang itu, tolong beritahu polis';

(d)(i) di dalam 'P18', langsung tidak ada catatan tentang SP6 telah memberikan satu aku janji kepada perayu untuk membebaskan perayu jika perayu memberi kerjasama dengan menunjukkan barang itu; dan

(d)(ii) di dalam mahkamah, SP6 telah memberi keterangan seperti di ms 38–39 rekod rayuan yang jelas menunjukkan bahawa SP6 ada memberi aku janji kepada perayu bahawa jika perayu memberi maklumat tentang barang itu, perayu akan dilepaskan.

[24] Di dalam kes ini, tidak ada keterangan langsung yang menunjukkan wujud reaksi-reaksi perayu yang boleh dibuat inferens kebersalahan perayu seperti tindakan meronta-ronta ketika ditangkap dan digari oleh pihak polis, merayu-rayu kepada SP6, menunjukkan ketakutan ataupun cuba melarikan diri. Tanpa reaksi-reaksi perayu yang menunjukkan kebersalahan beliau, maka inferens boleh dibuat bahawa perayu tidak mempunyai milikan dan pengetahuan ke atas bungkusan yang mengandungi dadah tersebut seperti yang dinyatakan di dalam pertuduhan.

[25] Selain daripada itu, tidak ada keterangan langsung daripada SP6 bahawa beliau telah membacakan amaran kepada perayu di bawah s 37A ADB sebelum SP6 memperolehi maklumat daripada perayu tentang lokasi dadah tersebut. Laporan polis (eksh 'P18') yang dibuat oleh SP6, lima jam 29 minit selepas perayu ditangkap tidak menunjukkan bahawa amaran di bawah s 37A ADB telah dibacakan dan difahami oleh perayu. Ingin dinyatakan di sini bahawa peruntukan s 37A ADB merupakan suatu kehendak statutori yang mesti dipatuhi terutama kepada kes-kes yang hanya bergantung kepada maklumat pesalah di bawah s 27 Akta Keterangan 1950.

[26] Oleh yang demikian, kami berpendapat peruntukan s 37A ADB tidak terpakai di dalam kes rayuan ini.

[27] Bungkusan dadah itu milik 'Lan'. Inilah pembelaan perayu dan telah diutarakan kepada SP6 semasa pemeriksaan balas di ms 47 rekod rayuan. Di dalam pemeriksaan utama, perayu memberi keterangan berkenaan 'Lan' seperti berikut (lihat ms 70 rekod rayuan):

> Bila ditanya 'mana barang Lan', saya jawab 'tidak tahu'. Beliau tanya sekali lagi 'awak letak di mana barang Lan?' Saya cakap 'tidak tahu'. Dia suruh tunjuk barang dan saya beritahu 'barang motor ada ditinggal'. Saya beritahu Lan letak barang di bawah almari. Bila saya beritahu dia, dia suruh saya tunjukkan. Saya tunjukkan dan dia suruh alih almari dan bila dialihkan ada plastik dan saya beritahu 'hak ni barang yang Lan tinggal'. Saya ambil dan serah kepada polis. Siapa 'Lan'? Kawan saya.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 14 SESS: 1 OUTPUT: Thu Jul 11 13:43:06 2013
//caseml/case/mlj/02-Shah_Rizan_312726_126936_01

[28] Pembelaan perayu juga menjelaskan bahawa beliau tidak mengetahui tentang isi kandungan bungkusan yang tersembunyi di bawah almari yang telah diletakkan oleh 'Lan'. Dan tanpa reaksi-reaksi perayu yang boleh menunjukkan kebersalahan beliau, maka boleh dirumuskan bahawa perayu sememangnya tidak mengetahui isi kandungan bungkusan itu.

[29] Perlu diambil kira bahawa pada masa serbuan perayu berseorangan di dalam rumah sewanya. Menurut SP6, sewaktu beliau memasuki rumah itu perayu sedang menonton TV dan tubuh badan perayu terus diperiksa tetapi tidak menjumpai apa-apa barang salah. Perayu, di dalam pembelaannya berkata, apabila polis memasuki rumah sewa itu, beliau terus digari dan polis bertanya mana barang 'Lan' dan perayu menjawab sebanyak dua kali 'tidak tahu'. Selepas itu, barulah perayu menjawab bahawa 'Lan' ada tinggalkan barang motor. Perayu mengambil bungkusan 'Lan' dan memberikan kepada SP6 sambil berkata 'hak ni barang yang Lan tinggal' (lihat ms 70 rekod rayuan). Ingin dinyatakan di sini bahawa menjadi satu perkara biasa bagi seseorang yang diserbu oleh polis terutama melibatkan kes-kes dadah untuk menunjukkan keadaan yang tidak menentu walaupun seseorang itu tidak melakukan apa-apa kesalahan. Ini adalah satu sifat naluri manusia. Di dalam kes ini perayu tidak menunjukkan reaksi-reaksi yang boleh menunjukkan kebersalahan beliau. Dan tidak ada apa-apa yang janggal apabila perayu menjawab tidak tahu sebanyak dua kali apabila ditanya oleh polis tentang barang Lan.

[30] Kami berpendapat bahawa HMT telah gagal mengarahkan diri beliau kepada pembelaan perayu bahawa Lan ada meninggalkan barang motor. HMT juga gagal mengarahkan diri beliau tentang keterangan perayu bahawa 'hak ni barang yang Lan tinggal'. Pada hemat kami, HMT gagal menilai keseluruhan keterangan pembelaan perayu terutama pembelaan yang memihak kepada perayu yang jelas menunjukkan ketidak bersalahan perayu tentang penemuan dadah di dalam rumah sewa itu. Kelakuan (*conduct*) perayu semasa diserbu oleh polis jelas menunjukkan bahawa beliau tidak tahu bungkusan itu mengandungi dadah.

[31] Unsur pengedaran tidak dibuktikan oleh pihak pendakwaan. Oleh yang demikian, HMT telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila beliau mensabit perayu dengan pertuduhan pengedaran dadah. Keterangan yang ada hanya membuktikan bahawa beliau mengetahui tentang bungkusan yang terletak di bawah almari tetapi tidak mengetahui tentang kandungan bungkusan itu adalah dadah berbahaya. Inferens yang memihak kepada perayu perlu diberi kepada beliau (sila lihat keputusan KN Segara HMR di dalam kes *Sridhar Arunasalam v Public Prosecutor* [2011] 6 MLJ 129; [2009] 6 CLJ 595 (MR)).

JOBNAME: No Job Name PAGE: 15 SESS: 1 OUTPUT: Thu Jul 11 13:43:06 2013
//caseml/case/mlj/02-Shah_Rizan_312726_126936_01

[32] Akhir kalam, kami berpendapat bahawa percanggahan di antara laporan polis di eksh 'P18' dengan keterangan SP6 memudaratkan kes pihak pendakwaan. Dan cara SP6 memperolehi maklumat daripada perayu adalah satu cara yang 'bertentangan dengan taraf-taraf kewajaran'. Kami berpendapat tidak selamat untuk mengekalkan sabitan ke atas perayu.

KESIMPULAN

[33] Rayuan perayu bermerit. Justeru itu, ianya dibenarkan. Keputusan HMT mengenai sabitan dan hukuman diketepikan. Perayu dilepaskan dan dibebaskan.

Rayuan dibenarkan; sabitan dan hukuman diketepikan.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed